

# Modal insan berkualiti tonggak kekuatan negara

B.H 30/3/07 MS17

Oleh Hasliza Hassan

**E**SOK, kira-kira 13,000 hadirin dijangka mengambil bahagian dan menghadiri sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan tahun ini, yang diadakan di Stadium Putra Bukit Jalil.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Sultanah Nur Zahirah dijangka berkenan menghadiri majlis itu. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak serta menteri Kabinet juga dijadual hadir.

Majlis sambutan kali ini dimulakan perarakan kontinjen mewakili pelbagai jabatan kerajaan, swasta, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan, kelab, pelajar institusi pengajian tinggi serta pelajar sekitar Lembah Klang.

Perarakan sambil berselawat memabitkan 103 kontinjen dimulakan dari padang letak kereta Stadium Hoki ke Stadium Putra. Selain menonjolkan semangat dan syiar Islam, kontinjen yang berarak akan diadili bagi menentukan johan dan naib johan berdasarkan kategori.

Di samping itu, kerajaan terus mengiktiraf mereka yang melaksanakan tugas serta perkhidmatan fardu kifayah yang menjerurus kepada kepentingan rakyat dengan anugerah Maulidur Rasul.

Penerima mewakili jabatan kerajaan, badan berkanun, tentera, swasta, polis, NGO, guru, pelajar dan individu. Penerima anugerah akan menerima wang tunai RM5,000, trofi, sijil dan hadiah iringan.

Selain itu, persembahan khas akan diadakan memabatkan persembahan multimedia, gurindam, sajak dan nasyid.

Sempena Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1428 Hijrah/2007 kali ini, umat Islam diajak menghayati tema yang dipilih iaitu 'Insan Cemerlang Ummah Terbilang'. Tema ini begitu dekat dengan Rasulullah kerana personalitinya sentiasa menjadi teladan dan ikutan sahabat serta umat Islam.

Pentingnya umat dalam pembangunan dan kelangsungan negara tidak dapat dinafikan, malah ketika dalam keadaan nazak, Rasulullah terus mengingatkan umatnya dengan menyebut, 'Umatku, Umatku.'

Oleh itu, sewajarnya umat Islam hari ini mencontohi peribadi Rasulullah bagi memastikan kejayaan yang dicapai bukan saja untuk diri, malah masyarakat.

Pendekatan kerajaan mengajak rakyat mengenang kejayaan Rasulullah membina ummah terbilang selaras hasrat membangunkan sumber manusia yang dikenali sebagai modal insan.

Modal insan berkualiti elemen penting dalam mencapai misi nasional kerana tanpa rakyat yang cemerlang, negara akan lemah. Sewajarnya hasrat kerajaan itu dihayati rakyat supaya mereka sedar harapan yang disandarkan kepada mereka.

Justeru, marilah kita bersama menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan di Stadium Putra Bukit Jalil bagi menunjukkan sanjungan serta rasa cinta kita kepada Nabi Muhammad.